



13 Ogos 2012  
13 August 2012  
P.U. (A) 254

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (KAEDAH MENGANALISIS MAKANAN HAIWAN DAN BENTUK PERAKUAN ANALISIS) 2012

### *FEED (METHODS OF ANALYSIS OF FEED AND THE FORM OF CERTIFICATE OF ANALYSIS) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN  
(KAEDAH MENGANALISIS MAKANAN HAIWAN DAN BENTUK PERAKUAN ANALISIS)  
2012

---

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

---

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran
3. Kaedah menganalisis
4. Pengambilan dan penyerahan sampel
5. Uji semula sampel untuk pengesahan
6. Perakuan analisis

JADUAL

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN- PERATURAN MAKANAN HAIWAN  
(KAEDAH MENGANALISIS MAKANAN HAIWAN DAN BENTUK PERAKUAN ANALISIS)  
2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 53(2)(h) Akta Makanan Haiwan 2009 [Akta 698], Menteri, setelah berunding dengan Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Kaedah Menganalisis Makanan Haiwan dan Bentuk Perakuan Analisis) 2012**.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“makmal yang ditetapkan” ertinya makmal yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 33 Akta.

**Kaedah menganalisis**

3. (1) Makmal yang ditetapkan hendaklah menggunakan suatu kaedah ujian yang diakreditasi.

(2) Jika tiada kaedah ujian yang dinyatakan di bawah subperaturan (1), kaedah ujian yang standard hendaklah digunakan.

**Pengambilan dan penyerahan sampel**

4. Bagi maksud analisis, seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mengambil sampel apa-apa makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan mengikut seksyen 32 Akta dan hendaklah menyerahkan sampel tersebut ke makmal yang ditetapkan dalam keadaan seperti berikut:

- (a) menggunakan borang penyerahan sampel dalam Borang 1;
- (b) menandakan sampel dengan butir-butir seperti yang berikut:
  - (i) nombor pengenalan sampel;
  - (ii) saiz sampel, seperti yang ditetapkan dalam seksyen 36 Akta;
  - (iii) tarikh dan masa sampel diambil; dan
  - (iv) nama dan tandatangan pegawai diberi kuasa;
- (c) mengelak sampel dengan betul; dan
- (d) menghantar sampel secara sendiri atau melalui pegawai diberi kuasa yang lain.

#### **Uji semula sampel untuk pengesahan**

5. Pemilik makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan boleh memohon kepada juruanalisis daripada mana-mana makmal yang ditetapkan yang lain untuk uji semula sampel di bawah peraturan 4 menggunakan Borang 2.

#### **Perakuan analisis**

6. (1) Perakuan bagi sesuatu keputusan analisis hendaklah dalam Borang 3.
- (2) Salinan perakuan analisis yang dibuat di bawah Peraturan ini atau pengeluaran semula baginya tidak boleh dipamerkan atau digunakan sebagai iklan.
- (3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (2) melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

## JADUAL

BORANG 1  
[perenggan 4(1)(a)]

BAMH 53(2)(h)01

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN  
(KAEDAH MENGANALISIS MAKANAN HAIWAN DAN BENTUK PERAKUAN ANALISIS) 2012

**PENYERAHAN SAMPEL UNTUK ANALISIS**

No. Rujukan: .....

Kepada,

Juruanalisis,

.....  
.....  
.....

**Penyerahan Sampel Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan untuk Analisis di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 dan Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Kaedah Menganalisis Makanan Haiwan dan Bentuk Perakuan Analisis) 2012**

Butiran berikut bagi sampel dengan ini diserahkan untuk dianalisis—

| Nombor pengenalan sampel | Tarikh dan masa diambil | Jenis sampel | Saiz sampel (berat/kuantiti) | Bentuk fizikal |
|--------------------------|-------------------------|--------------|------------------------------|----------------|
|                          |                         |              |                              |                |

2. Sampel diserahkan untuk tujuan .....

.....

(jenis analisis).

Tarikh: .....

Tandatangan: .....

Nama pegawai Diberi Kuasa: .....

Saya, yang menandatangani di bawah ini telah menerima sampel makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang tersebut di atas untuk dianalisis di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 atau Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Kaedah Menganalisis Makanan Haiwan dan Bentuk Perakuan Analisis) 2012.

Tarikh dan masa: .....

Tandatangan: .....

Nama Juruanalisis: .....

BORANG 2  
[peraturan 5]

BAMH 53(2)(h)02

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN  
(KAEDAH MENGANALISIS MAKANAN HAIWAN DAN BENTUK PERAKUAN ANALISIS) 2012

**PENYERAHAN SAMPEL UNTUK ANALISIS (UJI SEMULA)**

No. Rujukan: .....

Kepada,

Juruanalisis,

.....  
.....  
.....

**Penyerahan Sampel Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan untuk Analisis di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 dan Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Kaedah Menganalisis Makanan Haiwan dan Bentuk Perakuan Analisis) 2012**

Butiran berikut bagi sampel dengan ini diserahkan untuk dianalisis—

| Nombor pengenalan sampel | Tarikh dan masa diambil | Jenis sampel | Saiz sampel (berat/kuantiti) | Bentuk fizikal |
|--------------------------|-------------------------|--------------|------------------------------|----------------|
|                          |                         |              |                              |                |

2. Sampel diserahkan untuk tujuan .....

.....

(jenis analisis).

Tarikh: .....

Tandatangan: .....

Nama Pemilik: .....

Saya, yang menandatangani di bawah ini telah menerima sampel makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang tersebut di atas untuk dianalisis di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 atau Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Kaedah Menganalisis Makanan Haiwan dan Bentuk Perakuan Analisis) 2012.

Tarikh dan masa: .....

Tandatangan: .....

Nama Juruanalisis: .....

BORANG 3  
[subperaturan 6(1)]

SAMH 53(2)(h)01

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN  
(KAEDAH MENGANALISIS MAKANAN HAIWAN DAN BENTUK PERAKUAN ANALISIS) 2012

**PERAKUAN ANALISIS**

No. Rujukan Makmal: .....

Kepada: .....

.....  
.....

Saya, yang menandatangani di bawah ini, iaitu juruanalisis yang dilantik di bawah Akta Makanan Haiwan 2009, dengan ini mengesahkan bahawa pada ..... haribulan ..... 20 .....

telah diserahkan kepada saya oleh .....

Sampel ..... dengan No. Pengenalan

Sampel.....untuk analisis dalam ..... \*dilabel/ditanda

.....  
.....  
.....  
.....

dan dilak ..... dan bahawa saya telah menganalisis yang sama sebelum apa-apa perubahan berlaku dalam kandungan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan tersebut yang akan mengganggu analisis, dan bahawa hasil analisis saya adalah seperti yang berikut:

.....  
.....  
.....  
.....

Disaksikan dengan tandatangan saya pada jam ....., .....haribulan ..... 20.....

.....  
.....  
.....

(Nama dan Jawatan Juruanalisis)

\* Potong yang tidak berkenaan

Dibuat 3 Ogos 2012  
[KP/LA/483/20; PN(PU2)702/II]

DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR  
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

FEED ACT 2009

FEED (METHODS OF ANALYSIS OF FEED AND THE FORM OF CERTIFICATE OF  
ANALYSIS) REGULATIONS 2012

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

Regulation

1. Citation
2. Interpretation
3. Method of analysis
4. Taking and submission of samples
5. Retest of sample for verification
6. Certificate of analysis

SCHEDULE



FEED ACT 2009

FEED (METHODS OF ANALYSIS OF FEED AND THE FORM OF CERTIFICATE OF ANALYSIS) REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by paragraph 53(2)(h) of the Feed Act 2009 [Act 698], the Minister, after consultation with the Board, makes the following regulations:

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Feed (Methods of Analysis of Feed and the Form of Certificate of Analysis) Regulations 2012**.

**Interpretation**

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“designated laboratory” means laboratory designated by Minister under section 33 of the Act.

**Method of analysis**

3. (1) The designated laboratory shall use a test method which is accredited.

(2) In the absence of a test method mentioned under subparagraph (1), a standard test method shall be used.

**Taking and submission of samples**

4. For the purpose of analysis, an authorized officer shall take samples of any feed or feed additive in accordance with section 32 of the Act and shall submit such sample to the designated laboratory in the following conditions:

(a) use the submission form of a sample in Form 1;

(b) mark a sample with the following details:

- (i) sample identification number;
  - (ii) sample size, as prescribed under section 36 of the Act;
  - (iii) date and time sample taken; and
  - (iv) name and signature of authorized officer;
- (c) sample properly sealed; and
- (d) deliver a sample either personally or through another authorized officer.

**Retest of sample for verification**

5. The owner of animal feed or animal feed additive may apply to the analyst of another designated laboratory for retest of sample under regulation 4 using Form 2.

**Certificate of analysis**

6. (1) The certificate of analysis shall be in Form 3.

(2) No copy of certificate of analysis made under this Regulations or any reproduction thereof shall be displayed or use as an advertisement.

(3) Any person who contravenes with subregulation (2) shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding two years or both.

## SCHEDULE

|                                                                                                                                                                                                                             |                               |                                   |                                      |               |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|-----------------------------------|--------------------------------------|---------------|
| FORM 1<br>[paragraph 4(1)(a)]                                                                                                                                                                                               |                               | BAMH 53(2)(h)01                   |                                      |               |
| FEED ACT 2009                                                                                                                                                                                                               |                               |                                   |                                      |               |
| FEED (METHOD OF ANALYSIS OF FEED AND THE FORM<br>OF CERTIFICATE OF ANALYSIS) REGULATIONS 2012                                                                                                                               |                               |                                   |                                      |               |
| <b>SUBMISSION OF SAMPLE FOR ANALYSIS</b>                                                                                                                                                                                    |                               |                                   |                                      |               |
| To,                                                                                                                                                                                                                         |                               | Reference No.: .....              |                                      |               |
| The Analyst,                                                                                                                                                                                                                |                               |                                   |                                      |               |
| .....                                                                                                                                                                                                                       |                               |                                   |                                      |               |
| .....                                                                                                                                                                                                                       |                               |                                   |                                      |               |
| .....                                                                                                                                                                                                                       |                               |                                   |                                      |               |
| <b>Submission of Sample of Feed or Feed Additives for Analysis under Feed Act 2009 and Feed<br/>(Method of Analysis of Feed and the Form of Certificate of Analysis) Regulations 2012</b>                                   |                               |                                   |                                      |               |
| The following details of the sample is hereby submitted for analysis—                                                                                                                                                       |                               |                                   |                                      |               |
| Sample<br>Identification<br>number                                                                                                                                                                                          | Date and time<br>sample taken | Type of sample                    | Sample size<br>(weight/<br>quantity) | Physical form |
|                                                                                                                                                                                                                             |                               |                                   |                                      |               |
| 2. The sample is submitted for the purposes of .....                                                                                                                                                                        |                               |                                   |                                      |               |
| .....                                                                                                                                                                                                                       |                               |                                   |                                      |               |
| (type of analysis).                                                                                                                                                                                                         |                               |                                   |                                      |               |
| Date: .....                                                                                                                                                                                                                 |                               | Signature: .....                  |                                      |               |
|                                                                                                                                                                                                                             |                               | Name of Authorized Officer: ..... |                                      |               |
| I, the undersigned have received the above-mentioned sample of feed or feed additives for analysis<br>under Feed Act 2009 or Feed (Method of Analysis of Feed and the Form of Certificate of Analysis)<br>Regulations 2012. |                               |                                   |                                      |               |
| Date and time: .....                                                                                                                                                                                                        |                               | Signature: .....                  |                                      |               |
|                                                                                                                                                                                                                             |                               | Name of Analyst: .....            |                                      |               |

FORM 2  
[regulation 5]

BAMH 53(2)(h)02

FEED ACT 2009

FEED (METHOD OF ANALYSIS OF FEED AND  
THE FORM OF CERTIFICATE OF ANALYSIS) REGULATIONS 2012

**SUBMISSION OF SAMPLE FOR ANALYSIS (RETEST)**

Reference No.: .....

To,

The Analyst,

.....

.....

.....

**Submission of Sample of Feed or Feed Additives for Analysis under Feed Act 2009 and Feed (Method of Analysis of Feed and the Form of Certificate of Analysis) Regulations 2012**

The following details of the sample is hereby submitted for analysis—

| Sample Identification number | Date and time sample taken | Type of sample | Sample size (weight/quantity) | Physical form |
|------------------------------|----------------------------|----------------|-------------------------------|---------------|
|                              |                            |                |                               |               |

2. The sample is submitted for retest .....

.....

(type of analysis).

Date: .....

Signature: .....

Name of Owner: .....

I, the undersigned have received the above-mentioned sample of feed or feed additives for analysis under Feed Act 2009 or Feed (Method of Analysis of Feed and the Form of Certificate of Analysis) Regulations 2012.

Date and time received: .....

Signature: .....

Name of Analyst: .....

FORM 3  
[subregulation 6(1)]

SAMH 53(2)(h)01

FEED ACT 2009

FEED (METHOD OF ANALYSIS OF FEED AND THE FORM  
OF CERTIFICATE OF ANALYSIS) REGULATIONS 2012

**CERTIFICATE OF ANALYSIS**

Laboratory Reference No.: .....

To: .....  
.....  
.....

I, the undersigned, an analyst appointed under the Feed Act 2009, do hereby certify that on the .....  
day of ..... 20 .....

there was handed to me by .....

a sample of ..... with Sample identification  
No. .... for analysis in a ..... \*labeled/marked

.....  
.....  
.....  
.....  
and sealed ..... and that I have analyzed the same before any  
change had taken place in the constitution of the feed or feed additive that would interfere with the  
analysis, and that the result of my analysis is as follows:

As witness my hand, this hour ..... day of ..... ,20 .....

.....  
.....  
.....  
.....  
(Name and Designation of Analyst)

.....  
\* Delete where not applicable

Made 3 August 2012  
[KP/LA/483/20; PN(PU2)702/II]

DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR  
Minister of Agriculture and Agro-based Industry